



SEKURANG-KURANGNYA 10 kenderaan rosak akibat struktur rasuk pada bumbung sebuah bangunan komersial lima tingkat runtuh mendadak dalam kejadian di Jalan Kuchai Lama, semalam. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

Struktur rasuk bumbung runtuh!

10 kenderaan rosak kena serpihan runtuhan tapi tiada kecederaan

Oleh Mohd Haris
Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sekurang-kurangnya 10 kenderaan rosak teruk apabila struktur rasuk pada bumbung sebuah bangunan komersial lima tingkat di Jalan Kuchai Lama, di sini runtuh mendadak.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.40 malam kelmarin, kejadian membabitkan Blok A, Bangunan Sri Desa Kuchai di Kuchai Entrepreneu-

ers Park, di sini.

Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor berkata, pemeriksaan awal Jabatan Bомba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendapati tiada mangsa terbabit dalam kejadian ini.

"Sebaik dimaklumkan orang awam mengenai kejadian ini, pihak polis mengambil langkah menutup keseluruhan kawasan bagi menge-lak sebarang kejadian tidak

diingini berlaku.

"Pada masa sama JBPM yang melakukan pemeriksaan di setiap tingkat mendapati tiada mangsa terba-bit," katanya.

Amihizam berkata, pada masa ini pihak polis dan bomba mengambil langkah menutup bangunan berke-naan daripada sebarang akti-viti sehingga pihak berkuasa berkaitan

mengesahkan bangunan be-nar-benar selamat.

"Saya meminta

orang ramai untuk menjauhi lokasi ini selain tidak mem-buat sebarang spekulasi.

"Pada masa ini pihak berkuasa sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian memandangkan ia berlaku ketika cuaca baik dan tidak hujan," katanya.

Dua pegawai dan 10 anggota polis Brickfields serta dua pegawai dan 17 anggota JBPM, selain anggota Ang-katan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terbabit dalam ope-rasi susulan kejadian ini.

JBPM mendapati tiada mangsa terbabit dalam kejadian